

LITERA\$! KEWANGAN BELIA

Oleh: Shariffah Mamat

Bagaimanakah belia menguruskan kewangan mereka???

Sama ada sedar atau tidak, seseorang individu belia itu dilihat sebagai sudah bersedia berdiri dengan kaki sendiri setelah mereka mendapat pekerjaan dan dapat menanggung perbelanjaan mereka sendiri. Sebelum dapat menanggung segala perbelanjaan sendiri sudah tentulah mereka bergantung kepada sumber pendapatan daripada ibu bapa atau keluarga. Namun, apa yang menjadi isu adalah sejauhmanakah belia kita memiliki literasi tentang bagaimana untuk menguruskan kewangan mereka setelah mempunyai pendapatan sendiri.

Literasi merujuk Kamus Dewan bermaksud kebolehan. Manakala kewangan bermaksud perihal wang. Secara mudahnya, literasi kewangan bermaksud kebolehan atau kebijaksanaan untuk menguruskan perihal kewangan diri dan keluarga. Dalam erti kata lain, tahap literasi kewangan di kalangan belia perlu diterapkan bagi membantu mereka menguruskan atau mengendalikannya kewangan mereka setelah berupaya berdikari dengan pendapatan sendiri.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) sendiri telah menjalankan beberapa kajian berhubung dengan pengukuhan ekonomi generasi belia. Di antara dapatan kajian yang telah dijalankan telah menyatakan bahawa bagi mengatasi masalah ini, 49 peratus belia terfikir untuk melakukan kerja sampingan. Malah 33 peratus belia telahpun bertindak melakukan kerja-kerja sambilan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. Langkah

bijak ini seharusnya dilakukan oleh setiap belia di Malaysia memandangkan keadaan ekonomi diri/keluarga yang majoritinya berada pada tahap membimbangkan.

“Di samping itu, seramai 40 peratus belia telah menyatakan bahawa kehidupan mereka telah berubah dan menjadi lebih baik pada hari ini berbanding 5 tahun dahulu. Hanya 16 peratus yang menyifatkan kehidupan mereka semakin merosot dan 19 peratus mengatakan sama sahaja. Manakala 25 peratus lagi menyatakan tidak banyak berubah.”

Manakala kajian yang dijalankan secara *online* pada tahun 2010 oleh IPPBM berhubung dengan kualiti hidup belia menunjukkan majoriti 72 peratus di kalangan 2,603 orang responden belia tidak mempunyai kenderaan sendiri. Situasi ini membayangkan betapa gawatnya kedudukan ekonomi belia pada masa kini sehingga tidak mampu untuk memperuntukkan pendapatan bulanan untuk memiliki kenderaan sendiri dan golongan ini lebih selesa menggunakan pengangkutan awam sebagai pengangkutan pilihan untuk bergerak ke mana sahaja.

Peratusan responden mengikut pembelian kereta secara tunai

Malah kenyataan tersebut diperkukuhkan lagi dengan pemilihan responden belia untuk membeli kenderaan secara ansuran 83 peratus berbanding membuat

bersambung




“Jika anda mahu membuat sesuatu, anda akan cari jalan. Jika anda tidak mahu membuat sesuatu, anda akan cari alasan.”


- Peribahasa Arab -

sambungan

pembelian kenderaan secara tunai yang hanya 17 peratus sahaja. Kenyataan yang lebih memerlukan penelitian adalah apabila pembelian kereta secara ansuran dengan kadar bayaran bulanan RM 500 ke bawah paling ramai iaitu 65 peratus dalam tempoh pembiayaan pinjaman melebihi 9 tahun dan ke atas (63 peratus) berdasarkan responden belia yang memiliki kenderaan.




Peratusan responden mengikut pembayaran ansuran bulanan



Walaupun majoriti para responden bersetuju bahawa bayaran ansuran untuk kereta mereka adalah berpatutan, namun bagi responden yang mempunyai pendapatan kategori RM720 ke bawah (41 peratus) dan RM1201-RM1400 (44 peratus) berpandangan bayaran ansuran kereta sangat membebankan.

Peratusan responden mengikut pandangan mengenai pembayaran ansuran bulanan kereta

Jika dilihat secara terperinci bagi kajian yang sama berdasarkan kumpulan umur responden, didapati 40 peratus responden dalam kategori umur 17-20 tahun mengatakan jumlah bayaran ansuran bulanan kereta mereka sangat membebankan. Namun bagi lain-lain kategori umur majoriti berpandangan bayaran ansuran kereta mereka berpatutan.



Berdasarkan senario-senario dapatan hasil beberapa kajian ini jelas menunjukkan bahawa golongan generasi belia negara kita masih belum mempunyai literasi kewangan yang jelas tentang bagaimana untuk menguruskan kewangan diri dan keluarga mereka. Neva R. Goodwin di dalam bukunya yang bertajuk *Human Well Being and Economic Goals* mengatakan bahawa "economic growth is seen as a subset of human well-being. Whatever economic growth occurs it will always contribute to human well-being". Pandangan pakar ekonomi dari Harvard Universiti menjelaskan kepada kita bahawa literasi kewangan yang teguh di kalangan masyarakat terutama belia akan menjamin kepada kesejahteraan di dalam meneruskan kehidupan di dalam dunia serba mencabar kini.

Kad Kredit – Keperluan Atau Beban?

Apabila berbicara mengenai kewangan pasti tergambar di minda, jumlah pendapatan bulanan, perbelanjaan bulanan serta sejumlah wang yang perlu disimpan. Semua itu secara tidak langsung menggambarkan kebijaksanaan seseorang individu dalam menguruskan kewangan untuk diri sendiri mahupun keluarga. Dalam keadaan ekonomi pada masa kini dan kos sara hidup yang semakin tinggi, ramai individu yang berkerjaya lebih cenderung menggunakan perkhidmatan kad kredit sebagai sumber untuk perbelanjaan. Segolongan besar penggunaannya adalah terdiri daripada golongan eksekutif muda yang terdiri daripada golongan belia.

seperti *Standard Chartered Bank*. Kemudian ianya diikuti oleh bank-bank lain seperti Bank Bumiputera (kini dikenali sebagai CIMB), Citibank, Maybank dan lain-lain. Pada awal kemunculannya, penggunaan kad kredit hanya tertumpu di kota besar sahaja seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Kini, penggunaannya semakin meluas meliputi kawasan bandar dan luar bandar. (Fadhilah Mansor 2004)

Dalam akhbar utama banyak melaporkan, penggunaan kad kredit adalah merupakan di antara punca hutang besar penduduk di Malaysia sepertimana yang telah dilaporkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 24 Julai 2010. Dalam laporan tersebut mendapati bahawa golongan belia adalah merupakan penyumbang peratusan yang besar dalam kes tersebut. Ini adalah kesan daripada keghairahan golongan belia dalam memiliki kad kredit itu terlalu kuat memandangkan mereka yang baru terbabit dalam dunia pekerjaan dan menjalani kehidupan sebenar. Selain daripada itu, laporan daripada Jabatan Insolvency juga telah menyatakan bahawa terdapat 267 kes tersebut di Malaysia sehingga Mei 2010.

Pada masa kini, kad kredit merupakan satu instrumen yang penting dalam

menjalankan aktiviti yang melibatkan wang. Malah dalam kajian yang telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (Mac 2009) mendapati bahawa pengguna kad kredit cenderung untuk berbelanja 17 peratus lebih daripada individu yang berurusan menggunakan wang tunai.

“Walaupun bagaimanapun, belia seharusnya bijak dalam menguruskan pinjaman yang telah dilakukan melalui kemudahan penggunaan kad kredit supaya ia tidak menjadi beban kewangan yang cenderung kepada keadaan yang memudaratkan sehingga menjadi muflis.”

Usah jadikan pepatah "biar papa asalkan bergaya" sebagai corak kehidupan. Tidak dinafikan terdapat golongan belia sanggup berhutang kerana mahu gaya mewah termasuk bertujuan semata-mata mahu menyertai kumpulan anak muda daripada golongan kaya.

Kesimpulannya, ramai daripada kita yang terdiri golongan belia merupakan golongan yang menyumbang dalam perbelanjaan yang besar dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, adalah penting belia untuk menjaga reputasi agar urusan seharian dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa ada sekatan. Rancanglah perbelanjaan dengan baik dan teratur dalam penggunaan kad kredit.

Oleh: Suraya Sulaiman



Cetusan Ketua Pengarang

Pengurusan kewangan yang cekap membolehkan generasi belia hidup dalam keadaan sejahtera dan terurus. Majoriti belia yang berusia 15 hingga 28 tahun yang berada dalam kumpulan generasi Y belum merasakan tekanan hidup khususnya dari segi kesempitan kewangan. Rata-rata generasi ini terdiri dari mereka yang masih menuntut pelajaran sama ada di sekolah menengah atau di Institut Pengajian Tinggi. Urusan kewangan mereka lebih bergantung kepada keluarga atau institusi pinjaman pelajaran. Hanya sebilangan kecil sahaja generasi Y yang berusia di antara 25 hingga 28 tahun mungkin telah mula merasakan bebanan kewangan dalam kehidupan seharian mereka. Kajian yang telah dijalankan oleh IPPBM mendapati bahawa ramai generasi Y yang telah menjadi muflis akibat kecuaiannya dalam penggunaan kad kredit. Sebanyak 84 peratus responden bersetuju bahawa kelonggaran syarat memiliki kad kredit antara punca yang menjadikan ramai generasi Y berada dalam keadaan muflis. Situasi ini memberi amaran awal bahawa pengurusan kewangan peribadi dan

rumah tangga perlu ditadbir urus dengan bijak oleh generasi belia.

Bagi belia yang tergolong dalam kumpulan generasi X (berusia antara 29 hingga 40 tahun), literasi pengurusan kewangan lebih mendesak. Kajian menunjukkan bahawa belia yang mula memasuki alam pekerjaan akan memberi keutamaan kepada pembelian kenderaan. Kajian mendapati bahawa generasi ini menyedari bahawa mereka membeli kenderaan mengikut kemampuan mereka. Walau bagaimanapun, kajian mendapati lebih dari 30 peratus belia dalam generasi X mengatakan bahawa bayaran ansuran kenderaan mereka membebaskan. Generasi X tanpa mengira jumlah pendapatan biasanya mempunyai beberapa komitmen kewangan. Bermula dengan bayaran sewa rumah, bayaran ansuran kenderaan, penyelenggaraan kenderaan, bayaran pinjaman pelajaran, bayaran kad kredit, bayaran ansuran perabot, bayaran pinjaman peribadi melangsungkan perkahwinan dan berbagai komitmen kewangan menyebabkan generasi X tidak mampu untuk menabung.

Komitmen memberi sedikit wang kepada ibu bapa menjadi pilihan dan bukan keutamaan. Rata-rata generasi X tidak memperuntukkan sebahagian pendapatan untuk pelaburan. Jika ada pun, ianya di bawah 10 peratus dari pendapatan yang diterimanya. Bebanan kewangan ini akan menyebabkan cita-cita memiliki kediaman menjadi kurang utama dan rata-rata generasi X membeli rumah selepas berusia 35 tahun kerana gagal untuk menabung bagi menyediakan bayaran pendahuluan pembelian kediaman. Fenomena ini boleh disahkan apabila pengumuman kerajaan memberi pinjaman 100 peratus kepada belia yang berusia di bawah 35 tahun dan berpendapatan tidak melebihi RM3,000.00 telah mendapat sambutan sebagai satu suntikan semangat untuk membentuk keluarga yang lebih sempurna. Adalah diharapkan semua generasi belia memulakan tranformasi diri untuk berubah dan memberi keutamaan kepada pengurusan kewangan diri untuk kehidupan yang lebih sejahtera.

Zakariah Md. Sam
Ketua Pegawai Operasi IPPBM

Sidang Redaksi

Penaung

YB. Dato' Ahmad Shabery Bin Cheek
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Penasihat

Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang

Hj. Zakariah Md. Sam

Ketua Editor

Nadya Shaffinaz Bajuri

Sidang Redaksi

Suraya Sulaiman
Zul Fadhli Abd Aziz
Mastura Mohamad
Shariffah Mamat
Shahhanim Yahya
Nor Hamidah Hamzah
Nuurul Mizaan Ya'cob
Dymphna J. Lingkayan

Publisiti

Raja Shahida Raja Hassan
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada

info@ippbm.gov.my

10 Tips For Financial Wellness

Step 1

Live beneath your means:

This is the first rule to establishing financial independence. Living by this rule will allow you to reach your financial goals faster, and with a lot less stress.

Step 2

Pay off your credit cards:

Credit cards are usually the most expensive form of debt. Commit yourself to always paying more than the minimum required on your credit card. You'll save incredible sums of cash by paying off credit card balances.

Step 3

Pay yourself first:

By making yourself the first "creditor" paid, you'll develop solid saving habits that will help you reach your long-term goals.

Step 4

Save six months living expenses:

It's critical to have a "rainy day" fund. For most people, six months of living expenses will provide an adequate cushion to weather most unexpected financial storms.

Step 5

Make a will:

This is an essential step for all adults, especially those with dependents.

Step 6

Seek wise counsel:

Don't try to go it alone when making tough financial decisions. Consider the services of a

fee-only financial planner. A top-notch financial planner can help you to establish a lifelong financial plan.

Step 7

Fund company-sponsored savings plans to the maximum:

Through payroll deduction and often tax-deductible contributions, you can accumulate significant savings in company-sponsored plans.

Step 8

Plan major expenditures:

If a house, new car, college education, or other large purchase is in your future, take the time to make a plan to reach your desired goal. A little planning goes a long way.

Step 9

Educate yourself:

Read financial publications and consider taking a course on basic financial management or investing. Community colleges often offer excellent courses on personal finance topics.

Step 10

Review progress:

Every year, list the value of what you own and what you owe. The difference between the two numbers is your financial net worth. Save this list, date it, and compare it to your current year's progress. You'll be amazed at how much difference a year makes in your finances.

By Jeff Rubleski

Source: *Wellness Councils of America 9802 Nicholas Street*

Disunting oleh: Mastura Mohamad


Artikel Penyelidikan

Tajuk Kajian : Kajian Pendapat Awam Isu Semasa – Kepenggunaan Dan Perbelanjaan
Penyelidik : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)


Kajian Kepenggunaan dan Perbelanjaan telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) di bawah kategori Kajian Pendapat Awam Isu Semasa. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meninjau kedudukan kewangan belia sebagai refleksi kepada keadaan krisis ekonomi yang melanda dunia tidak terkecuali Malaysia. Dalam kajian ini, seramai 2,068 orang responden seluruh Malaysia yang berumur 15 hingga 40 tahun telah ditemu duga dan responden tersebut telah dipilih secara rawak. Dapatan kajian ini dijadikan sebagai medium memperkasakan kedudukan ekonomi belia dan seterusnya dijadikan sebagai platform membangunkan diri dan keluarga belia-belia di Malaysia serta secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.

Metodologi bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah pemilihan sampel secara rawak mudah (*simple random sampling*), di mana pemilihan kaedah ini memberikan peluang sama rata kepada belia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun untuk dijadikan sebagai responden kajian.


Dapatan kajian bagi persepsi belia terhadap kewangan menunjukkan 53 peratus menyatakan bahawa kedudukan kewangan diri/keluarga mereka kini berada pada tahap membimbangkan.



Dengan keadaan ekonomi diri/keluarga yang meruncing ini akan mendedahkan belia kepada kegiatan negatif dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan gejala sosial. Dapatan kajian ini juga dianalisa secara mendalam dengan meninjau tahap kewangan belia berdasarkan kepada umur. Di dapati bahawa tiada perbezaan signifikan berhubung umur dan tahap kewangan diri/keluarga belia.




Kajian ini juga meninjau persepsi belia terhadap perubahan ekonomi semasa dengan mengemukakan soalan sama ada keadaan ekonomi sekarang adalah masa yang sesuai untuk menukar perabot rumah. Dapatan kajian mendapati bahawa 90 peratus belia menyatakan keadaan ekonomi sekarang bukanlah masa yang sesuai untuk menukar perabot/peralatan rumah.



Keadaan ini adalah sokongan kepada dapatan di dalam kajian ini sendiri, di mana ia dapat menunjukkan bahawa tahap kewangan belia Malaysia pada hari ini adalah membimbangkan.

Seterusnya kajian ini melihat perancangan kewangan belia sewaktu menghadapi kecemasan dan perbelanjaan di luar jangka. Dapatan kajian mendapati bahawa perbezaan antara belia yang mempunyai tabungan sewaktu kecemasan dan perbelanjaan di luar jangka dengan yang tiada adalah sebanyak 18 peratus.



Ini jelas menunjukkan bahawa belia kita tidak mempunyai lebih bagi menghadapi saat-saat kecemasan umpamanya jika dibuang kerja atau ditimpa kemalangan. Keadaan ini adalah amat membimbangkan kerana waktu sukar ini mendorong belia menjerumuskan diri ke jalan yang tidak sihat dan menyumbang kepada peningkatan jenayah.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan ini, beberapa cadangan telah dikemukakan yang mana antaranya adalah budaya menabung di kalangan belia perlu dipertingkatkan serta dititikberatkan dalam perancangan kewangan mereka. Keduanya, belia juga sewajarnya didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang memberikan kepelbagaian kemahiran di dalam diri mereka agar lebih kreatif dan inovatif di dalam mengekalkan *survival* diri mahupun keluarga. Seterusnya maklumat literasi kewangan perlu disampaikan sebagai persiapan belia menjana pendapatan melalui pelaburan dalam jangka masa yang lebih lama.

Disunting oleh: Zul Fadhli Abd Aziz

Financial Literacy Month

Disunting oleh: Mastura Mohamad

National Financial Literacy Month is recognized in the United States in April in an effort to highlight the importance of financial literacy and teach Americans how to establish and maintain healthy financial habits.

In 2000, The JumpStart Coalition for Personal Financial Literacy began promoting April as *Financial Literacy for Youth Month*. In 2003, the United States Senate designated April as *Financial Literacy for Youth Month*. In March 2004 the Senate passed Resolution 316 that officially recognized April as *National Financial Literacy Month*.

Since 2006, the National Foundation for Credit Counseling (NFCC) has emerged as the leading organization promoting

Financial Literacy Month, releasing an annual survey on financial education and honoring the winner of its national financial literacy poster contest, Be Money Wise. The NFCC poster contest invites elementary, middle and high school students to submit a poster design surrounding a theme that deals with managing money effectively.

Many of the country's financial institutions and nonprofit financial educational organizations promote the month by holding promotional events and creating educational materials that center around effectively handling money and dealing with debt.

Sources: Wikipedia

Sudahkah anda mendaftar di Profil Belia Negara? Silalah layari <http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/>

Bagi anda yang sudah mendaftar, jangan lupa mengemaskinikan profil anda. Anda akan mendapat pelbagai info aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dari semasa ke semasa.

Financial Literacy Among Youths

Financial literacy is defined as the 'ability of an individual to make informed judgments and to take effective decisions regarding the use and management of money' (ASIC: 2003, Noctor, Stoney and Stradling: 1992). A more comprehensive definition appeared in the Journal of Financial Service Professionals which stated that 'personal financial literacy is the ability to read, analyse, manage and communicate about the personal financial conditions that affect material well being' (Anthes: 2004).

Financial literacy can be considered to be low among youth as most of the research had shown that it was due to the level of complexities and variety in the financial world. On the other studies in the UK have shown that numeric skills are also low among youth (Atkinson & Kempson: 2004). Numerical skills are important in assisting the understanding of financial skills. There is support in many countries such as Australia and the UK to have financial skills taught at middle school levels across the curriculum (ASIC: 2003, Atkinson & Kempson: 2004).

Summary and Source of Youth Impact Data

IMPACT DATA	SOURCES
Several gender differences before and as a result of the curriculum are highlighted. In sum, male teens reinforced their existing knowledge, whereas female teens learned significantly more about finances in areas with which they were unfamiliar prior to the curriculum.	Danes, S., & Haberman, H. 2007. Teen financial knowledge, self-efficacy, and behavior: A gendered view. <i>Financial Counseling and Planning</i> , 18(2), 48-60.10
The highest mean financial literacy score, 57%, was reached in the 1997-98 academic year. This fell to 51.9% in 2000, then again to 50.2% in 2002. It recovered slightly to 52.3% in 2004 and 52.4% in 2006 before falling to 48.3% in 2008.	Mandell, L. Jump\$tart Financial Literacy Surveys of High School Seniors, 1997-2008. For further information, see http://www.jumpstart.org .
The study showed no significant relationship between high school financial education and investment knowledge. There was a significant relationship between college-level financial education and investment knowledge.	Peng, T., Bartholomae, S., Fox, J., & Cravener, G. (2007). The impact of personal finance education delivered in high school and college courses. <i>Journal of Family and Economic Issues</i> , 28(2), 265-284.11
Regression analysis shows that certain socialization factors, such as having a part-time job of 10-20 hours per week, having a savings account, and being from a family with a relatively higher level of family income, yielded improved quiz performance.	Valentine, G., & Khayum M. (2005). Financial literacy skills of students in urban and rural high schools. <i>Delta Pi Epsilon Journal</i> , 47(1), 1-9.12
The study showed improvement in all measured financial behaviors: saving, knowledge of ways to decrease auto insurance costs, and comparison and sale shopping.	Varcoe, K., Martin A., Devitto, Z., & Go, C. (2005). Using a financial education curriculum for teens. <i>Financial Counseling and Planning</i> , 16(1), 63-71.13


References:

McCormick, M. H. (2009). The Effectiveness of Youth Financial Education: A Review of the Literature. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 20(1).

Samy M., Tawfik, H., Huang, R and Nagar, A. Đ. (2008). Financial Literacy of Youth. A Sensitivity Analysis of the Determinants *International Journal of Economic Sciences and Applied Research* 1 (1): 55-70


Disunting oleh: Dymphna J. Lingkayan

Ulasan Buku Pilihan



Tajuk : Perancangan Kewangan Mahasiswa
Penulis : Mohamad Fazli Sabri et. al
Penerbit : GEMS Publishing
Tahun : 2006

Perancangan Kewangan Mahasiswa merupakan sub-elemen kepada Literasi Kewangan Belia. Buku ini merupakan sebuah buku yang membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan mahasiswa dan aspek kewangan dan memberi maklumat terperinci serta panduan kepada mahasiswa di institusi pengajian tinggi untuk merancang dan mengurus sumber wang yang diterima secara berhemah dan bijak. Memandangkan sumber kewangan mahasiswa adalah terhad, diharapkan buku ini secara tidak langsung dapat membantu mereka bertindak sebagai seorang pengurus kewangan yang cekap dan berhemat. Buku ini dihasilkan berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan tentang tingkahlaku pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa sejak tahun 2000 lagi. Pengurusan kewangan berhemat menyumbang kepada kecemerlangan akademik mahasiswa.



Tajuk : Personal Finance (7th Edition)
Penulis : Jack Kapoor et. al.
Penerbit : McGraw-Hill Higher Education
Tahun : 2003

Personal Finance is a great resource to keep for future financial planning. This book will help in understanding the fundamentals to make informed choices about spending, saving, borrowing and investing that lead to long-term financial security. With a continued emphasis on technology, real-world decision making and practical advice from financial planning professionals, **Personal Finance** provides a strong foundation for current and future personal economic activities. This book contains the elements of personal finance which are financial planning, budgeting, long-term goals, investing, electronic banking and retirement planning.

** Buku-buku tersebut boleh diperolehi di Pusat Sumber IPPBM

Gerbang SMS Kerajaan-mySMS

Oleh: Nor Hamidah Hamzah

Kerajaan telah mewujudkan satu perkhidmatan melalui satu nombor SMS iaitu 15888 bagi membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan dengan mudah dan ringkas. Perkhidmatan ini telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 30 Julai 2008 dan telah mendapat beberapa anugerah antaranya Anugerah MSC Malaysia APICTA 2009 (Best of eGov & Services), Anugerah Inovation Malaysia 2009, Anugerah APICTA 2009 di Melbourne Australia (eGov) dan Anugerah eIndia 2010 Citizen Awards dalam kategori eGov di bawah sub-kategori mGovernance Initiative of the Year di Hyderabad, India.

Ini adalah satu inisiatif untuk mempelbagaikan saluran penyampaian perkhidmatan bagi membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan Kerajaan melalui SMS dengan mudah dan ringkas melalui satu nombor tunggal iaitu 15888. Sejalan dengan perkembangan teknologi masa kini, orang ramai akan dapat berurusan dengan pelbagai agensi Kerajaan melalui SMS selain daripada saluran perkhidmatan sedia ada seperti berurusan melalui kaunter, telefon, internet dan sebagainya.

Pihak IPPBM turut menggunakan perkhidmatan ini bagi memberi hebahan maklumat kepada golongan belia yang telah mendaftarkan profil mereka di dalam sistem eBelia Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Antara hebahan yang telah dilaksanakan termasuklah ucapan hari lahir, ucapan bersempena perayaan dan hebahan program-program KBS. Oleh itu, digalakkan belia di luar sana yang masih belum mendaftarkan profil anda

boleh melayari <http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/> bagi mendapatkan informasi terkini dari pihak IPPBM/KBS.

Mengapa mySMS 15888

- Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan mempelbagaikan saluran penyampaian perkhidmatan.
- Memanfaatkan kadar penembusan telefon mudah alih yang tinggi di Malaysia, 106.2% dengan 30.4 juta langganan.
- Memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan dengan kos yang minimum melalui satu nombor tunggal, **15888** untuk semua agensi kerajaan.
- Memudahkan, mempercepatkan dan menjimatkan kos pelaksanaan oleh agensi Kerajaan kerana mereka hanya perlu menyediakan perkhidmatan sahaja manakala infrastruktur dikongsi bersama melalui Gerbang SMS Kerajaan.



Sumber: www.mampu.gov.my
www.mysms.gov.my

Tips Belanja Berhemah

Wang yang anda miliki hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya. Pepatah Inggeris ada menyatakan "...orang yang paling kaya ialah mereka yang berbelanja dengan membeli barangan yang berpatutan dan murah...". Berdasarkan pepatah tersebut, semua yang boleh menjadi kaya dengan menjadi pembeli yang bijaksana. Orang kaya juga akan menjadi miskin jika boros berbelanja dan membazir. Caranya mudah dan senang iaitu berhemah dalam berbelanja. Belanja secara bijak dan berhemah memerlukan pengetahuan, kemahiran serta maklumat. Beberapa tips berbelanja berhemah disenaraikan di bawah:

- Sediakan senarai barangan yang hendak dibeli dan ikut senarai tersebut. Jadikan tabiat ini sebagai amalan hidup anda.
- Beli apabila perlu. Anda dinasihatkan supaya mengurangkan kekerapan mengunjungi koperasi, kedai dan sebagainya. Hal demikian kerana setiap kali ke kedai anda pasti akan membeli barangan yang tidak diperlukan.
- Buat perbandingan harga antara penjual dengan tempat pembelian. Buku rujukan yang dihasilkan oleh penerbit dalam negara dan dijual oleh penerbit tempatan misalnya jauh lebih murah berbanding dengan rujukan yang dihasilkan oleh penerbit luar negara dan dijual oleh kedai buku yang besar dan popular seperti MPH Book Store dan Kinokuniya (KLCC).
- Pilih barangan yang hendak dibeli. Dengan memilih barangan yang hendak dibeli anda akan dapat memastikan mutu barangan. Contohnya, mereka yang hendak membeli pakaian. Perlu meneliti beberapa perkara selain dari harga dan jenama iaitu jahitan, kekemasan, warna, kesesuaian, saiz dan yang difikirkan sesuai.
- Simpan resit pembelian supaya jika ada masalah berkaitan barangan tersebut, anda boleh menukarkan semula atau

mendapatkan ganti. Misalnya, kasut baru yang dibeli terdapat sedikit kerosakan pada bahagian dalamnya. Bawa resit pembelian yang disimpan ke kedai kasut berkenaan dan mohon untuk ditukar atau diganti.

- Beli dalam kuantiti yang diperlukan. Jika anda membeli lebih daripada kuantiti yang diperlukan, besar kemungkinan anda akan membazir.
- Beli barangan berasaskan fungsi bukannya jenama. Barangan berjenama terkenal biasanya lebih mahal berbanding barangan berjenama tempatan. Komputer keluaran dan jenama tempatan misalnya PC Suria lebih murah berbanding jenama terkenal seperti Acer, Compaq, Dell dan Fujitsu.
- Beli pembelian berharga besar seperti telefon bimbit, komputer riba dan motosikal, luangkan masa untuk membuat tinjauan (*survey*) serta dapatkan pandangan rakan dan mereka yang arif. Kemudian, buat perbandingan harga dan kualiti serta tempat membeli dan kaedah pembayaran. Pembelian secara ansuran biasanya lebih mahal tetapi kadang-kala menjadi pilihan terbaik.
- Kurangkan mengunjungi restoran makanan segera seperti KFC, McDonald's, Pizza Hut dan MarryBrown. Biasanya harga makanan di sini mahal dan sesetengahnya kurang berkhasiat. Mungkin sebulan sekali memadai bagi penggemar.
- Anda perlu berbelanja mengikut peruntukan yang dibuat. Sebaik-baiknya disiplinkan diri anda dengan mencatatkan segala perbelanjaan yang dibuat. Langkah ini memudahkan anda mengetahui ke mana menghilangnya ringgit anda.

Sumber: Mohamad Fazli Sabri (2006),
Perancangan Kewangan Mahasiswa, GEMS Publishing.